

**UNSUR KONFLIK DALAM NOVEL REMAJA TERPILIH***(Element of Conflicts in the Selective Teenagers Novel)***FAZIELA ABU BAKAR @****CHE DIN**

Universiti Putra Malaysia

[fazielab@yahoo.com](mailto:fazielab@yahoo.com)**NIK RAFIDAH NIK****MUHAMAD AFFENDI**

Universiti Putra Malaysia

[nikrafidah@gmail.com](mailto:nikrafidah@gmail.com)**Dihantar pada:**

20 Januari 2016

**Diterima pada:**

29 April 2016

**Koresponden:**[nikrafidah@gmail.com](mailto:nikrafidah@gmail.com)

**Abstrak:** Kertas kerja ini membincarkan tentang konflik remaja yang terdapat dalam novel-novel remaja terpilih. Novel-novel tersebut pernah dirombak isi kandungannya kerana dikatakan tidak sesuai untuk golongan pelajar membacanya. Selain itu, novel-novel remaja ini telah mencetuskan pelbagai pendapat dan kritikan daripada golongan penggiat sastera, NGO, ahli akademik, dan ramai lagi. Persoalannya adakah novel-novel tersebut tidak memaparkan teladan yang baik kepada khalayak pembacanya sedangkan novel-novel ini telah memenangi pelbagai hadiah dalam pertandingan yang disertai. Objektif kajian ini adalah untuk mengklasifikasi dan menganalisis unsur konflik yang terdapat dalam novel yang dikaji. Dalam konteks kehidupan, manusia tidak pernah terlepas daripada menghadapi masalah hidup. Begitu juga permasalahan dalam kalangan remaja, yang seringkali dikaitkan dengan sifat remaja yang beremosi sehingga mencetuskan konflik. Hal ini kerana jiwa golongan ini sangat mudah tersentuh dan beremosi sekiranya tersalah didik. Hasil kajian mendapati teks ini menyentuh tentang aspek konflik seperti konflik dalam keluarga, konflik dalam diri dan konflik rakan sebaya yang terdapat dalam novel remaja pilihan. Setelah diteliti, konflik yang berlaku kepada watak mampu ditangani oleh remaja yang berkonflik. Kesemua watak berjaya dalam kehidupan setelah menghadapi pelbagai konflik. Sehubungan itu, kajian ini melihat aspek konflik daripada perspektif teori Humanistik Abraham Maslow.

**Kata kunci:** Psikologi, novel, remaja, konflik, humanistik

**Abstract:** The aim of this article is about the adolescent of conflict appearing in teen novels selected. The novels had reformed its contents because it is said to be unsuitable for the students to read. In addition, this teen novels has spawned a variety of opinions and criticism of literary activist groups, NGOs, academics, and many others. The question is whether these novels do not show a good example to the public and readers of these novels have won many prizes in competitions participated. The objective of this study was to classify and analyze the conflicts inherent in the novel under review. In the context of life, people never quit rather than face the problems of life. Similarly, problems among teenagers, who are often linked to the emotional nature of adolescence triggering the conflict. This is because the soul is very touchy and emotional if wrong teachings. The results showed that this text about on aspects such as the conflict in the family conflict, the conflict of interest and conflict peer stored in the selection of young adult novels. Capable of handling the conflict by adolescents in conflict. All the characters succeed in life after facing various of conflicts. Therefore, the study looked at the conflict from the perspective of humanistic theories of Abraham Maslow.

**Keyword :** Psychological, novel, adolescent, conflict, humanistic

## PENGENALAN

Membicarakan tentang konflik tentu sahaja melibatkan sesuatu yang berkaitan dengan manusia di muka bumi ini. Nor Raudah (2005: 353) menyatakan bahawa manusia tidak pernah terlepas daripada menghadapi konflik sama ada konflik luaran atau konflik dalaman. Konflik membentuk kehidupan manusia sama ada tenang, berkocak bahagia atau sebaliknya. Tidak ada seorang hamba Allah di muka bumi ini yang terlepas dari menghadapi konflik terutamanya remaja. Remaja dan konflik tidak dapat dipisahkan. Hal ini kerana, seseorang remaja itu mungkin cepat naik marah kerana perkara yang remeh-temeh dan boleh menimbulkan pergaduhan.

Namun kebanyakan remaja cepat melupakan perasaan marah mereka dan mungkin kembali berkelakuan seperti biasa dalam masa yang singkat. Walaupun begitu, risiko untuk suatu pertelingkahan kecil menjadi pergaduhan besar adalah tinggi pada peringkat umur ini. Hal ini kerana sesetengah remaja menghadapi kesukaran untuk mengawal perasaan mereka dan mungkin merasakan ‘air muka’ mereka dijatuhkan jika mereka tidak bertindak.

Kesemua novel yang dipilih merupakan novel remaja yang khalayaknya adalah golongan remaja. Menurut Othman (1989:7) menjelaskan novel remaja ialah hasil karya kreatif yang ditulis oleh pengarang tanpa mengira batas usia, latar pendidikan, geografi, politik, ras dan kepercayaan asalkan ia berbakat dan berminat. Seterusnya, Abdul Ahmad (1991:10-13) berpendapat bahawa novel remaja menarik ciri nilai ‘rasa milik’ dunia remaja dalam diri khalayak. Nilai-nilai yang menjadi cerminan dan aspirasi dunia remaja disuguhkan melalui ulasan dan kupasan isu dan persoalan pada tahap kebolehan dan pengetahuan remaja. Berdasarkan pandangan di atas dapat dirumuskan bahawa novel remaja ialah hasil karya kreatif imaginatif yang membicarakan tentang persoalan kemanusiaan dan kemasyarakatan, budaya, politik dan ekonomi dalam kehidupan manusia yang merangkumi gambaran sosial yang sejarah dengan nilai dan aspirasi remaja.

Hubungan sastera dan remaja memang tidak dapat dipisahkan kerana kedua-duanya saling melengkapi antara satu sama lain (Jumali 2012: 2). Hal ini juga kita ketahui bahawa remaja dan konflik tidak dipisahkan. Mereka selalu berada di

bawah bayang-bayang konflik walaupun untuk perkara yang kecil. Konflik adalah pertentangan secara langsung dan sedar individu atau kumpulan untuk mencapai matlamat bersama. Mana Sikana (2004: 14) pula mendefinisikan konflik sebagai pertentangan sama ada fizikal dan luaran atau peribadi dan dalaman. Pertentangan fizikal dan luaran melibatkan manusia beradu kekuatan sesama manusia, manusia dengan binatang, manusia dengan alam dan lain-lain lagi. Pertentangan peribadi dan dalaman ialah yang bersifat kejiwaan dalam diri manusia apabila terpaksa memilih satu antara dua.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa konflik merupakan situasi yang terjadi apabila ada perbezaan pendapat antara dua pihak. Kedua-dua pihak menentang pendapat antara satu sama lain walaupun kadang-kadang mempunyai tujuan yang sama. Oleh itu, kajian ini akan merumuskan tentang konflik remaja dalam novel remaja *6:20* karya Siti Jasmina Ibrahim, *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah dan *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah (1995). Pengkaji akan melihat konflik remaja dari segi konflik remaja dengan keluarga, konflik remaja dalam diri dan konflik remaja dengan rakan sebaya.

## PENYATAAN MASALAH

Pengkajian terhadap genre novel memang tidak asing lagi dalam kalangan sarjana Barat dan tempatan. Genre novel ini mendapat perhatian yang ramai kerana terdapat pelbagai skop yang menarik boleh dikaji. Sifat karya sastera yang subjektif dan terbuka kepada pelbagai terjemahan menyebabkan banyak sekali pertikaian yang mungkin wujud apabila sesuatu karya itu diangkat tidak kira sama ada dalam pertandingan mahupun sebagai teks kajian. Persoalan di sini sama ada novel-novel yang telah dipilih itu sememangnya sesuai dan mudah dibaca, atau sebaliknya.

Kajian pengkaji berdasarkan kepada tiga buah novel remaja, iaitu novel *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah terbitan Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. Novel ini digunakan untuk pelajar tingkatan empat di Zon 1 yang meliputi negeri Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Novel kedua ialah novel *6:20* karya Siti Jasmina binti Ibrahim terbitan Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. Novel ini digunakan untuk pelajar tingkatan tiga di Zon 1 yang meliputi

negeri Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis dan novel terakhir ialah *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah terbitan Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. Novel ini digunakan untuk pelajar tingkatan tiga di Zon 2 yang meliputi negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Negeri Sembilan. Berdasarkan kepada pemilihan pengkaji didapati novel yang dipilih telah mendapat pelbagai kritikan dan pendapat daripada sarjana, pengarang, penggiat sastera dan lain-lain.

Novel-novel ini telah mencetuskan beberapa rasa tidak puas hati beberapa pengkritik, sasterawan dan pengkaji sastera khususnya novel. Novel *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah misalnya, telah mendapat kritikan daripada Fatimah Busu yang merupakan bekas pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM) menyatakan, terdapat naskah kajian yang dijadikan sebagai teks kajian sekolah tidak langsung sesuai diangkat sebagai teks kerana tidak memaparkan unsur moral yang baik bagi pembentukan modal insan. (*Berita Harian*, 15 April 2011)

Selain itu, Naffi Mat yang merupakan seorang ahli panel Forum Kesusastraan Melayu Teras Pembinaan Peradaban dan Negara menyatakan bahawa dua teks kajian KOMSAS tingkatan tiga telah dirombak isinya. Novel tersebut ialah *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah dan *6:20* karya Siti Jasmina Ibrahim. Novel *Merenang Gelora* telah di rombak sebanyak 80 peratus isinya yang pada mulanya berkisarkan kepada kisah pengedaran dadah di sekolah kepada penjualan telefon bimbit. Manakala teks *6:20* pula hanya di rombak sebanyak 30 peratus sahaja. (*Berita Harian*, 05 Januari 2012).

Berdasarkan isu-isu yang dikemukakan timbul persoalan apakah novel-novel remaja tersebut tidak memenuhi kehendak psikologi remaja? Apakah novel-novel tersebut telah dihalusi dari sudut pandangan kaca mata orang dewasa semata-mata tanpa melihat dari kaca kepada fenomena yang berlaku, apakah novel-novel ini tidak sesuai dijadikan bahan bacaan remaja atau sebaliknya atau apakah novel yang diubah isi kandungannya masih lagi sesuai untuk remaja atau apakah novel-novel ini kurang bermutu sehingga mencetuskan pelbagai pendapat?

## OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengklasifikasikan jenis-jenis konflik yang terdapat dalam novel yang dikaji
2. Menganalisis jenis-jenis konflik yang terdapat dalam novel yang dikaji.

## METODOLOGI

Dalam analisis ini pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah kepustakaan dan kualitatif untuk menyiapkan kajian ini. Kaedah kualitatif dipilih kerana pengkaji secara khususnya akan menganalisis kandungan teks yang terdapat dalam novel yang dikaji untuk melihat unsur emosi yang diutarakan oleh pengarang. Menurut Bogdan dan Taylor (dalam Moleong, 2004: 4) mendefinisikan kaedah kualitatif sebagai prosedur penelitian yang menghasilkan data deskriptif yang berupa kata-kata tertulis atau lisan dari orang yang berperilaku dan perilaku yang diperoleh.

Kajian kepustakaan pula dibuat dengan merujuk kepada segala bahan-bahan berbentuk buku, majalah, jurnal dan dokumen lain yang berkaitan dengan kajian. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan novel remaja, iaitu novel *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah yang merupakan terbitan Utusan Publication & Distributors. Novel ini digunakan untuk pelajar tingkatan tiga di Zon 2 yang meliputi negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Negeri Sembilan.

Di samping itu, pengkaji akan menggunakan teori Humanistik Abraham Maslow. Melalui teori ini Maslow (1970) berpendapat bahawa individu merupakan sesuatu yang berintegrasi dan mengalami proses penyusunan secara keseluruhan. Jelas menunjukkan bahawa teori ini mempunyai perkaian dengan aspek personaliti dan lebih menitikberatkan beberapa andaian yang bersifat motivasi. Beliau menganggap motivasi sebagai sesuatu yang kompleks iaitu tingkah laku luaran yang diperlihatkan oleh manusia. Apabila mempunyai suatu matlamat yang penting dalam hidup ini individu itu akan terus bermotivasi untuk meningkatkan keperibadian.

Matlamat merupakan suatu keperluan yang wujud dalam diri apabila lahir kesungguhan untuk memenuhi rasa keinginan terhadap sesuatu. Setiap manusia mempunyai matlamat yang perlu dipenuhi sebagai kekuatan untuk meneruskan

kehidupan tidak kira sama ada pada peringkat dewasa maupun kanak-kanak. Maslow menjelaskan lagi, sebahagian keperluan dalam yang ada dapat menggerakkan serta mengarahkan sikap atau perlakuan yang sering dipamerkan atau ditunjukkan oleh individu.

Pada peringkat pertama, Maslow (1970: 36) menegaskan bahawa kehendak-kehendaknya mempunyai desakan yang paling kuat berbanding desakan terhadap kehendak-kehendak pada peringkat yang lain. Keperluan manusia untuk hidup mencakupi keperluan-keperluan yang paling asas seperti air, api, cahaya, udara dan angin. Walau bagaimanapun, dalam konteks kehidupan manusia, keperluan paling asas ini dirumuskan sebagai makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. Tanpa keperluan-keperluan ini, manusia tidak dapat hidup dengan sempurna dan selesa. Setelah keperluan asas dicapai, manusia perlu mencari keselamatan dalam hidup, kestabilan kerja, jagaan masyarakat, undang-undang serta membebaskan diri daripada ancaman dalam mahupun luaran. Tahap keselamatan ini amat diperlukan bagi menjamin kesejahteraan hidup. Kehendak atau keperluan kedua ini bukan sahaja meliputi aspek fizikal, malah aspek-aspek lain seperti aspek rohani dan aspek emosi (Maslow 1970: 43).

Pada peringkat ketiga ialah keperluan kasih sayang. Dalam memenuhi keperluan kasih sayang, manusia memerlukan hubungan dengan insan lain. Keperluan kasih sayang dapat dibahagikan kepada dua jenis kasih sayang iaitu *D-Love (deficiency-love)* dan *B-Love (Being-love)*. *D-Love* ialah apabila individu itu lebih mementingkan diri sendiri daripada memberi kasih sayang kepada orang lain. Manakala *B-Love* pula ialah individu lebih mengambil berat akan memberi kasih sayang kepada orang lain daripada menerima kasih sayang daripada orang lain semata-mata (Maslow 1970: 44). Pada tahap seterusnya adalah kehendak penghargaan kendiri. Setiap individu muh berkuasa sekurang-kurangnya ke atas diri sendiri. Pada masa yang sama, individu juga perlukan kekuatan, kebolehan, kepakaran dan kebebasan.

Menurut Maslow (1970: 45) keadaan ini akan dinikmati manusia dalam dua keadaan. Pertama, apabila dia mendapati orang yang melahirkan rasa hormat kepadanya. Rasa hormat ini hadir dalam bentuk pengiktirafan, pemasyhuran, penghargaan dan kebesaran. Kedua,

manusia itu sendiri tahu menilai dan menghargai dirinya. Peringkat yang terakhir adalah keperluan kesempurnaan kendiri. Dalam keperluan perkembangan pula, pencapaian intelek, estetika dan penyempurnaan kendiri akan tercapai apabila keperluan kekurangan dipenuhi. Kita akan cuba merealisakan kebolehan kita agar menjadi manusia yang sempurna.

Berdasarkan kepada peringkat-peringkat keperluan ini, Maslow berpendapat bahawa manusia seharusnya memenuhi setiap keperluan dan kehendak bermula daripada tahap awal atau permulaan sehingga yang paling maksima. Dalam hal ini, Maslow percaya bahawa setiap individu akan terus memperbaiki diri sehingga ke tahap yang memuaskan. Oleh itu kajian ini akan menggunakan peringkat-peringkat ini dalam analisis untuk menguatkan hujah.

## DAPATAN KAJIAN

Setiap karya yang dihasilkan dipelbagaikan oleh pengarang dalam menghuraikan peranan watak-watak yang diciptanya. Menurut Nor Raudah (2006:146) sastera adalah bayangan atau gambaran tentang realiti kehidupan masyarakat manusia. Apabila sastera dan manusia itu mempunyai ikatan, bermakna dalam sastera juga terdapat konflik-konflik yang dibentuk oleh pengkarya sebagai mendasari jalan cerita atau plot yang ingin dinyatakan. Dalam novel yang dikaji iaitu *6:20, Merenang Gelora* dan *Azfa Hanani*, pengarang-pengarangnya mengutarakan konflik yang terdapat dalam karyanya. Konflik-konflik yang ditemui oleh pengkaji seperti konflik remaja dengan keluarga, konflik remaja dengan diri dan konflik remaja dan rakan sebaya.

### Konflik Remaja dengan Keluarga

Keluarga pada umumnya bermaksud seisi rumah tangga yang terdiri daripada suami isteri dan anak-anak. Menurut kajian psikologi anak-anak menjadikan ibu bapa mereka sebagai model atau objek ikutan, mereka akan meniru apa yang dilihatnya. Asmak (2006: 92) menyatakan ibu bapa merupakan orang yang terpenting dalam sesbuah keluarga. Mereka memainkan peranan utama dalam mencorakkan masa depan keluarga. Anak-anak diibaratkan sebagai kain putih, manakala ibu bapa yang akan mencorakkan

kehidupan mereka. Konflik antara ibu bapa dan anak-anak boleh timbul apabila anak-anak mencapai umur remaja dan boleh berdikari sendiri.

Konflik remaja dalam keluarga yang terjadi dapat dilihat dalam novel 6:20 karya Siti Jasmina Ibrahim (2011). Dalam novel tersebut pengarang memperlihatkan konflik keluarga iaitu konflik yang berlaku antara anak dan ibu, Sukma dan Puan Delia. Selain itu, konflik keluarga juga adakalanya mempunyai kebaikan Berdasarkan kepada watak Puan Delia, beliau seorang ibunya penyayang dan sangat melindungi anak perempuan tunggalnya. Puan Delia sangat menjaga Sukma sehingga Sukma selalu berselisih pendapat dengan ibunya. Hal ini dapat dikesan apabila Puan Delia melarang Sukma untuk keluar ke halaman rumah pada jam 6.20 pagi. Sukma berkeras untuk melihat orang yang dilihatnya. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“...Saya berlari ke jendela, mengintai. Terlihat oleh saya seorang lelaki dalam lingkungan tiga puluhan, berkulit agak gelap, kurus, cengkung, memakai kemeja T putih yang agak kusam, berseluas jean biru lusuh dan berselipar. Dia bersila di hadapan pintu pagar yang kemudiannya mendongak ke arah saya. Saya bergegas turun tetapi ibu menahan saya di tangga.

“Nak buat apa ni?”

“Orang kat luar tu...”

“Sukma kenal dia?”

Saya menggeleng.

“Kita ada apa-apa hubungan dengan dia? Kita pernah berjumpa dengan dia atau berhutang dengan dia?”

“Tidak tapi dia datang...”

“Tidak mungkin orang datang minta sedekah! Orang muda macam tue takkan nak mengih wang daripada orang...”

“Ibu, kenapa ni? Dulu ibu tak pernah buruk sangka dengan sesiapa, kenapa tiba-tiba ibu berubah macam ni?”

(6:20: hlm. 13-14)

Selain itu, konflik remaja dengan keluarga lain dapat dikesan melalui konflik yang berlaku antara Azfa Hanani dan Tengku Muzaffar iaitu konflik adik beradik. Hal ini dapat dilihat apabila Azfa Hanani mempersoalkan tindakan tengku Muzaffar dalam hubungannya dengan Ekran. Sebagai seorang abang, Tengku Muzaffar mahukan yang terbaik untuk adiknya. Sebelum

kehadiran Azfa Hanani, dia telah menghalang hubungan antara adiknya, Tengku Murni dengan Ekran. Kini, dia juga membantah hubungan yang dicipta oleh Azfa Hanani dan Ekran. Bagi Tengku Muzaffar, Ekran tidak standing untuk adiknya mahupun Azfa Hanani. Baginya, Ekran hanyalah seorang budak remaja yang datang dari keluarga yang biasa dan tidak setaraf seperti keluarganya. Hal ini dapat dilihat dalam novel *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah (1995):

“Aku tidak Terfikir sebenarnya, rupa-rupanya Abang Muzaffarlah yang menjadi dalang hubungan itu. Dia tidak merestui keluhuran dan ketulusan cinta Murni dan Ekran. Nama timangannya kerap tertulis dalam catatan-catatan Murni dan bukti itu sahaja sudah cukup untuk aku membuat tuduhan. Patutla Ekran sering kelihatan tidak senang setiap kali berhadapan dengannya. Anehnya pula, Datin Maziah tidak berhalangan besar dan menyenangi Ekran. Abang Muzaffar menatap diari dan kertas-kertas itu sekejap sahaja. Kemudian, dia memandang wajahku. Alu menarik nafas dalam-dalam, kesal rasanya mengenangkan sikapnya yang memandang rendah golongan yang tidak setaraf dengan keluarganya.

“Nani perlu faham. Dulu, abang perlu menjaga nama baik Murni dan keluarga abang. Dia adik abang, sekarang pula, Nani. Abang harap selepas ini, Nani dapat jauhkan diri daripada Ekran. Dia bukanlah pilihan yang terbaik untuk Murni dan Nani,” kata Abang Muzaffar dengan tenang. Aku menggeleng tidak bersetuju.

Nani perlu sedar apa yang Nani cakapkan ini, “jelas sekali dia tidak mahu mengalah. Aku tidak mungkin akan berjaya menarik benang dari tepung halus dengan jayanya, tanpa sebarang serakan. “Ekran memang bangsat, Nani. Budak penjual burger tu memang tak sedar diri. Dulu dia nak ambil kesempatan ke atas Murni, sekarang ke atas Nani pula. Nani mahu abang pejamkan mata begitu sahaja?”.

(*Azfa Hanani*: hlm. 215-216)

Berdasarkan kepada contoh di atas jelas menunjukkan pengarang menerapkan konflik yang berlaku kepada watak-wataknya. Konflik yang berlaku merupakan konflik yang sering kali terjadi dalam realiti kehidupan masyarakat kita. Jika ditinjau dari sudut psikologi, Puan Delia sangat melindungi anak tunggal manakala Tengku Muzaffar dilihat menghalang perhubungan

adiknya dengan Ekran, kerana menganggap pemuda itu dari keturunan yang tidak baik. Ini memperlihatkan jaminan keselamatan yang ditunjukkan oleh kesemua watak kepada orang yang disayangi sehingga mencetus konflik antara mereka.

Lantaran itu, Maslow (1970: 43) berpendapat keperluan keselamatan sangat penting pada peringkat kanak-kanak, remaja dan orang dewasa yang mengalami kejiwaan. Beliau menyatakan lagi keperluan ini merangkumi kestabilan dan perlindungan daripada rasa takut dan bimbang. Konflik tercetus apabila, remaja sememangnya inginkan kebebasan, pada peringkat ini remaja mengalami perpindahan iaitu dari zaman kanak-kanak menuju zaman dewasa. Remaja mula inginkan kebebasan seperti masyarakat dewasa (Nor Raudah 2006).

### Konflik Remaja dengan Diri Sendiri

Konflik dalam diri adalah satu daripada jenis konflik yang sering diperkatakan oleh para sarjana. Antara konsep konflik dalam diri yang penting ialah pertentangan peribadi dan dalaman iaitu yang bersifat kejiwaan dalam diri manusia apabila terpaksa memilih satu antara dua (Manu Sikana, 2004:10). Konflik dalam diri juga dapat didefinisikan suatu keadaan kekacauan jiwa kerana masalah-masalah tertentu (Rahman 1985:52). Secara ringkasnya, konflik dalam diri dapat dirumuskan sebagai persoalan-persoalan yang berlaku dalam pemikiran-pemikiran watak utama yang bertentangan dengan kemahuan diri dan selalunya menimbulkan masalah.

Berdasarkan kepada novel yang dikaji konflik remaja dengan diri sendiri atau konflik dalam diri ditemui dalam novel *6:20* karya Siti Jasmina Ibrahim (2001). Contoh ini dapat dilihat pada watak Sukma yang berkonflik dengan dirinya. Hal ini dapat dilihat apabila Sukma terlalu memikirkan tentang siapakah gerangan tetamu misteri yang datang ke rumahnya seawal jam 6:20 pada pagi hari. Disebabkan kejadian itu, Sukma menganggap ibunya seorang yang tidak adil kerana tidak mahu menerima dan mendengar pendapatnya. Disebabkan itu juga Sukma selalu bertengkar dengan ibunya sehingga ibunya menganggap Sukma mengalami tekanan perasaan. Oleh sebab itu, ibunya turut membelikan sebuah buku untuk Sukma yang berkaitan dengan tekanan

perasaan atau stres. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

“Wanita tua membawa sebakul manggis, lelaki kurus berpakaian lusuh, dan hari ini dua ekor kucing yang datang pada jam 6:20 dan ghaib seminit selepas itu. Siapakah mereka ini? fikiran saya menjadi kusut.”

(6:20 : hlm.28)

“Anak kita ni sakit, bang. Dari hari tu saya suruh abang bawa dia pergi berehat. Bawa dia melancong atau apa-apa saja. Dia stress ni.”

Rupa-rupanya ibu muram bukan kerana tersentuh oleh rasa bersalah dalam dirinya yang terlupa akan pendiriannya selama ini, sebaliknya dia masih menyangka saya mengalami depresi, tekanan perasaan kerana terlalu banyak belajar atau perihal remaja

(6:20: hlm: 55)

Berdasarkan kepada contoh petikan di atas jelas menunjukkan Sukma mengalami konflik dengan dirinya apabila ibunya tidak percayakan tentang tetamu misteri yang datang ke rumahnya pada awal pagi. Konflik sebegini selalu terjadi dalam kalangan remaja apabila pandangan dan pendapat mereka tidak diendahkan. Dari sudut psikologi, Sukma ingin ibunya mendengar dan menerima pendapatnya mengenai tetamu misteri yang hadir pada jam 6:20 setiap pagi tetapi ibunya menganggap Sukma mengalami depresi. Berdasarkan penyataan ini jelas menunjukkan bahawa Sukma dirinya dihargai dalam memberi sebarang pendapat mengenai tetamu misteri itu. Menurut Maslow (1970:45) jika keperluan penghargaan kendiri dapat dipenuhi dengan sebaiknya ia boleh membuatkan individu memiliki keyakinan diri dan lebih berdikari. Keadaan ini akan menyebabkan individu tersebut menjadi lebih produktif.

Seterusnya, konflik remaja dengan diri sendiri juga dipaparkan dalam novel *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah (1995) menerusi watak Azfa Hanani apabila beliau memikirkan mengenai kedesakan hidupnya. Ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Aku bukan tidak pernah berusaha mahu memiliki sendiri buku-buku itu. Namun, setiap kali sedikit wang kupinta, pak long akan berkata, dia tidak mampu menyediakannya untukku. Dia bekerja

sebagai penoreh getah, berapa sen sangatlah wang yang masuk ke kantung pada setiap hari. Selama ini pun, sebahagian besar wang simpanan dan harta yang ada telah banyak digunakan untuk membiayai perubatan Zuraini, anak sulungnya yang lumpuh.

Wang biasiswa memang ada. Ia kugunakan untuk langganan bas sekolah dan yuran persekolahan. Wang saku sendiri telah kujimatkan tetapi pada setiap hujung bulan, tidak ada baki yang tertinggal. Entahlah. Aku sendiri tidak tahu bagaimana lagi masalah ini dapat kuatasi. Malah keinginan untuk memakai pakaian sekolah yang baru, menukar yang sudah ketat, sampai kini terpaksa kupendamkan.”

(Azfa Hanin: hlm. 10)

Disebabkan desakkan hidup Azfa Hanani tidak dapat membeli segala keperluan yang di perlukannya sebagai seorang pelajar. Azfa Hanani berkonflik dengan dirinya sendiri sehingga jalan yang diambilnya boleh merosakkan masa depannya. Berdasarkan kepada ayat “*Aku bukan tidak pernah berusaha mahu memiliki sendiri buku-buku itu dan Entahlah. Aku sendiri tidak tahu bagaimana lagi masalah ini dapat ku atasi. Malah keinginan untuk memakai pakaian sekolah yang baru, menukar yang sudah ketat, sampai kini terpaksa kupendamkan*” jelas memperlihatkan bahawa Azfa Hanani tidak memberitahu masalahnya kepada sesiapa sebaliknya hanya memendam sehingga ia memakan dirinya. Hal ini dilihat apabila dia mencuri buku rujukan di perpustakaan sekolah dan keinginan dirinya untuk menukar pakaian baru tidak kesampaian.

Jika ditinjau dari sudut psikologi, sebagai seorang remaja, Azfa Hanani memerlukan keperluan fisiologi yang cukup untuk pembesarannya, tetapi atas desakan hidup dia hanya membiarkan masalahnya ditanggung seorang diri. Maslow (1970:36) sangat menekankan elemen fisiologi dalam kehidupan. Baginya, tanpa keperluan-keperluan itu, manusia tidak akan mencapai tahap yang seterusnya.

Bagi seorang remaja pula keinginan untuk menukar pakaian sekolah setiap tahun merupakan idaman setiap pelajar, kerana pada hari pertama persekolahan remaja pastinya membicarakan hal itu. Sehubungan itu, Sidi Gazalba (1983:48) menyatakan makanan, pakaian, tempat tinggal dan

ubat-ubatan merupakan keperluan asas manusia yang paling penting.

Seterusnya, pengarang juga menerap elemen konflik cinta remaja. Konflik adalah satu proses yang berlaku apabila tindakan seseorang ditentang oleh pihak yang lain. Konflik boleh dikatakan sebagai yang biasa berlaku terutamanya dalam kalangan suami isteri, kekasih, rakan, pekerja keluarga dan jiran (Azizi et al. 2005:206-207). Konflik cinta remaja ditemui dalam novel *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah (2002). Konflik cinta remaja dalam novel ini dijelaskan melalui watak Nadira dan Dayana. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah Nadira berkonflik dengan dirinya mengenai hubungannya dengan Badri:

“Kerap kali Nadira terbayang wajah Dayana. Entah kenapa Nadira diserang oleh perasaan resah apabila terlintas nama itu dalam fikirannya. Hubungan akrab antara Badri dan Dayana sudah sampai ke pengetahuan Nadira menyebabkan fikirannya menjadi kacau bilau. Nadira tidak menganggap Badri lebih daripada seorang sahabat.”

“...mungkin begitu juga dengan Dayana, tetapi Nadira kadang-kadang dihantui perasaan cemburu apabila memikirkan Badri mempunyai sahabat selain dirinya.”

“Pernah timbul keinginan untuk bertanya kepada Badri apakah status hubungan Badri dan Dayana, tetapi Nadira tidak mahu menimbulkan sebarang kecurigaan dalam hati Badri.

(*Merenang Gelora*: hlm. 145-146)

Selain Nadira, Dayana juga berkonflik dengan dirinya mengenai hubungannya dengan Badri. Hal ini dapat dikesan melalui petikan berikut:

“Entahlah. Saya tak pernah bertanyakan kepada Badri. Saya sendiri tidak pernah memikirkan apa status hubungan kami. Boleh dikatakan kami sahabat yang baik. Hubungan baik itu disebabkan oleh sesuatu perkara yang menjadi titik perkenalan kami. Kenapa awak mahu tahu tentang status hubungan kami?” Tanya Dayana membuatkan Nadira terdiam. Kemunculan Nadira dengan pertanyaan itu membuatkan Dayana merenung kembali betapa berertinya Badri bagi dirinya. Sekiranya Nadira sanggup bersusah payah untuk mencari jawapan sama ada dia dan

Badri mempunyai hubungan khusus bermakna Nadira mahu menjadikan Badri lebih daripada seorang sahabat. Kemungkinan seperti itu menakutkan Dayana. Nadira seperti muncul untuk memisahkannya dengan Badri. Kalau selama ini Dayana tidak pernah memikirkan kemungkinan Badri akan hilang dari sisinya, sekarang Dayana mula berasa khuatir.

(*Merenang Gelora*: hlm. 156-157)

Berdasarkan kepada contoh petikan di atas jelas menunjukkan konflik kedua-dua watak mengenai status perhubungan mereka dengan Badri. Hal ini dapat dikesan melalui monolog Nadira dan Dayana:

Nadira kadang-kadang dihantui perasaan cemburu apabila memikirkan Badri mempunyai sahabat lain selain dirinya dan Kemungkinan seperti itu menakutkan Dayana. Nadira seperti muncul untuk memisahkannya dengan Badri. Kalau selama ini Dayana tidak pernah memikirkan kemungkinan Badri akan hilang dari sisinya, sekarang Dayana mula berasa khuatir.

Dari sudut psikologi, memperlihatkan jaminan kasih sayang dalam diri kedua-dua remaja tersebut. Mereka mempunyai keinginan untuk disayangi dan menyanyangi serta dicintai dan mencintai. Dalam hal ini kedua-dua watak ini berkonflik dengan diri mereka sama ada Badri melihat mereka sebagai kawan atau sebaliknya. Menurut Kamarulzaman Kamaruddin (2009:141) konflik jenis ini kebanyakannya berlaku dalam kalangan remaja perempuan.

Selain itu, novel *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah (1995) juga memaparkan konflik cinta remaja. Hal ini dapat dilihat menerusi watak Azfa Hanani:

“Pada suatu ketika dahulu, aku pernah berharap agar hubungan istimewa Murni dengan seseorang anak muda tidak perlu kusambung. Selama aku menjelma sebagai gadis itu juga, teman lelakinya itu tidak pernah muncul menuntut kasih yang terlepas. Benar dan aku berani membuat andaian, dia tetap menganggap Azfa Hanani dan Tengku Murni adalah dua orang yang berbeza.”

(*Azfa Hanani*: hlm. 209)

“Berpikir dan merenung andaian itu berulang-ulang kali, akhirnya aku sedar, aku tidak dapat menolak suatu kemungkinan itu. Selama ini, diam-diam sahaja aku mula menaruh hati kepadanya. Ekran kucintai tetapi hakikat itu bagaikan sengaja tidak mahu kuakui...”

(*Azfa Hanani*: hlm. 210)

Berdasarkan kepada contoh petikan di atas menunjukkan Azfa Hanani berkonflik dengan diri mengenai kisah cintanya. Dia mengharap bahawa tidak akan menjadi penyambung hubungan kepada teman lelaki Tengku Murni kerana mereka mempunyai wajah yang seiras. Hakikatnya dia dan Ekran masih belum menyatakan tentang perasaan masing-masing. Azfa Hanani berkonflik dengan dirinya mengenai perhubungan Tengku Murni dengan teman lelakinya. Dia takut sekiranya teman lelaki Tengku Murni mahukan kembali perhubungan itu atas dasar mereka mempunyai wajah yang seiras. Jika dilihat dari sudut psikologi, jaminan kasih sayang dalam kehidupan remaja ialah percintaan. Hal ini selari dengan pendapat Mohamed Hatta (2003: 39) bahawa zaman remaja adalah zaman penerokaan. Antara alam yang mudah menarik perhatian golongan remaja ialah alam percintaan.

### Konflik Remaja dengan Rakan Sebaya

Pada peringkat ini, remaja amat mudah terdorong dan terpengaruh dengan rakan sebaya mereka untuk melakukan sesuatu. Hal ini kerana, rakan sebaya ialah kumpulan yang paling rapat dengan mereka selain ahli keluarga. Penglibatan rakan sebaya boleh mencetuskan konflik dalam dan luaran melalui beberapa permasalahan yang timbul khususnya melalui pergaulan. Masalah komunikasi dalam kalangan rakan sebaya dilihat sebagai faktor utama dalam mewujudkan konflik terhadap remaja. Kurangnya komunikasi yang lengkap dan dapat difahami menyebabkan remaja mempunyai persepsi yang buruk dalam diri terhadap rakan dan menganggap rakannya sengaja melakukan sesuatu yang menyusahkan dirinya.

Permasalahan seperti wujudnya perbezaan budaya, bahasa dan agama juga turut mendorong remaja tersebut dengan gelombang konflik dalam kalangan rakan sebaya. Kurangnya kefahaman terhadap budaya dan agama kaum lain

mewujudkan perbezaan dan kepentingan sendiri sehingga menyentuh perkara-perkara yang sensitif bagi sesetengah pihak. Perbezaan latar belakang dan budaya ini menyebabkan sesuatu gurauan itu disalah anggap dan dianggap serius sehingga boleh mewujudkan syak wasangka, perbalahan serta perkelahian.

Berdasarkan kepada novel yang dikaji novel 6:20 karya Siti Jasmina Ibrahim (2001) memaparkan konflik remaja dengan rakan sebaya. Hal ini dapat dijelaskan melalui petikan berikut:

Jiwa saya kosong. Macam sebuah kotak kosong. Ringan dan mudah ditolak ke kanan dan ke kiri. Sepanjang saya hidup, aturan telah disusun oleh ayah dan mak saya. Apa yang patut saya makan, apa yang patut saya pakai, dengan siapa saya perlu berkawan, apa yang perlu saya abaca, apa perlu saya fikir, di mana saya perlu belajar, apa bidang perlu saya ceburi. Semua sudah dijadualkan, disusun lengkap oleh orang tua saya. Mereka percaya kepada takdir dan mereka sudah tilik takdir saya. Ayah kata, takdir saya bagus, eloklah bagus tapi saya tak ada pilihan. Saya perlu buat itu dan ini sahaja untuk mencapai tilikan takdir yang bagus itu.

(6:20: hlm: 112)

“Dalam usia saya Sembilan belas tahun ini pun saya masih tak diberi pilihan. Saya sebenarnya suka akan bidang pertanian yang melibatkan hal pertanian. Saya nak jadi macam ayah Rafiq. Berjaya dalam dunia pertanian.

“...saya jadi macam kotak kosong. Ditolak ke kanan ke kiri. Hanya menunggu untuk diisi, tak boleh mencari apa-apa yang disukai. Apabila saya ke Kelab WX2, dan mula dikenalkan dengan ruang sepi, saya berasa gembira. Saya jadi bebas bersuara dan membuat pilihan. Di sana saya ada pilihan, Sukma.”

(6:20:hlm : 113-114)

Hal ini dilihat apabila Jerry, Iskandar dan Reny terlibat dengan kegiatan yang tidak bermoral. Mereka mencari keseronokan di luar apabila berasa terkongkong apabila tidak diberikan kebebasan yang sepatutnya kepada mereka sebagai seorang remaja yang sedang meningkat dewasa. Mereka melibatkan diri dalam kegiatan *Black Metal* yang mereka rasakan apabila berada di dalam kumpulan itu, mereka dapat menentukan

apa yang mereka mahukan dan tidak mahukan. Selain itu, mereka dapat melontarkan pendapat masing-masing tanpa menghiraukan sama ada diterima atau ditolak. Ditinjau dari sudut psikologi pula, jaminan fisiologi ditunjukkan kepada watak Jerry. Jerry seorang remaja yang sedang membesar dan jaminan fisiologi melihat kebebasan merupakan satu kehendak yang diperlukan oleh remaja dalam hidup. Sekiranya mereka tidak diberikan hak itu, akan timbul beberapa masalah pada kemudian hari.

Seterusnya, novel *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah (2002) juga mempamerkan konflik remaja dengan rakan sebaya. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Jamil tidak berani membangkang kata-kata Dodi. Dalam kumpulan mereka berempat, tugas Jamillah yang paling mudah, iaitu menyampaikan maklumat yang diperolehnya sebagai pengawas. Setiap kali sebelum operasi mengejut memeriksa beg para pelajar, Jamil terlebih dahulu akan memaklumkan kepada ketiga-tiga sekutunya. Sebagai orang dalam, Jamil berpeluang mengetahui dan menyampaikan maklumat yang sepatutnya dirahsiakan. Sebagai imbuhan, Jamil akan dibayar ‘upah’ yang lumayan, di samping menikmati keseronokan bersama-sama mereka. Jamil dapat hidup mewah dan berseronok-seronok.

(*Merenang Gelora*: hlm. 53)

“Keluarga Fazli bukanlah terlalu miskin. Malahan di kawasan perumahan yang menjadi tempat tinggal keluarganya, bapa Fazli dipandang tinggi walaupun tidak mempunyai kekayaan melimpah ruah...”

“Fazli sering berasa rendah diri melihat rakan-rakannya bergaya dengan trend terkini. Sejak perniagaan ayahnya merosot dan wang belanja uang diterimanya semakin berkurangan, Fazli mencari alternatif lain untuk menaikkan imejnya di kalangan pelajar-pelajar lain...”

“Kebanggaan dan kesombongan telah menyebabkan Fazli semakin khayal dengan kemewahan. Apatah lagi setelah bergabung dengan Dodi, Shahrul dan Jamil. Terlalu banyak hiburan dan keseronokan yang dapat dinikmati. Mereka menghamburkan duit semata-mata untuk mencari kepuasan.”

(*Merenang Gelora*: hlm. 169)

Berdasarkan kepada petikan di atas jelas menunjukkan konflik remaja dengan rakan sebaya yang dipamerkan oleh pengarang. Konflik yang berlaku merupakan konflik yang sering kali berlaku dalam kalangan remaja pada masa kini. Berdasarkan contoh dilihat Jamil dan Fazli terpengaruh dengan rakan-rakannya sehingga mereka jadi begitu. Disebabkan ingin hidup mewah dan serba lengkap mereka sanggup melakukan perbuatan yang tidak bermoral dan menyalahi undang-undang sekolah.

Jika ditinjau dari sudut psikologi, kedua-dua remaja ini inginkan kehidupan yang selesa dan dapat menjamin kehendak dan keperluan mereka yang tidak dapat dipenuhi sebelum ini. Justeru, ini memperlihatkan keperluan fisiologi berlaku kepada watak. Ini jelas dalam ayat "...Jamil dapat hidup mewah dan berseronok-seronok dan Fazli sering berasa rendah diri melihat rakan-rakannya bergaya dengan trend terkini".

Selain itu, memperlihatkan wujudnya pengaruh rakan sebaya yang terjebak dalam kancalah penagih dadah. Hal ini dapat dikesan dalam petikan berikut:

"Mereka mengurung aku, menyuntik aku dengan dadah. Berminggu-minggu, entah berbulan-bulan agaknya aku dikurung dan disuntik. Ketika aku dah ketagih mereka campakkan aku begitu sahaja. Aku dah jadi mangsa. Aku yang salah, salah pilih kawan..."

(*Merenang Gelora*: hlm: 250)

Petikan di atas menunjukkan Jamil yang tersalah pilih kawan dan akhirnya membuatkan hidupnya menjadi sampah masyarakat. Menurut Arief Salleh dan Wardah (2005: 209) pemilihan rakan sebaya yang baik akan membentuk peribadi yang baik manakala rakan sebaya yang tidak berakhhlak akan mempengaruhi akhlak yang tidak baik. Jika dilihat dari sudut psikologi memperlihatkan keperluan keselamatan yang ada dalam watak Jamil. Hal ini kerana, Jamil menginsafi perbuatan dan ingin meninggalkan kegiatannya dan kembali ke pangkal jalan tetapi dirinya telah dianaya oleh Shahrul sehingga jadi penagih dadah yang tegar.

Menurut Juma'at (1996: 13) menyatakan musnahnya anak-anak bangsa kerana faktor pengedar durjana. Malah golongan tersebut sanggup mengembangkan sayap mereka dengan

mempergunakan remaja sebagai pembantu mereka untuk mengedar dadah.

Konflik remaja dengan rakan sebaya juga ditemui dalam novel *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah (1995). Hal ini dapat dikesan melalui petikan berikut:

"Dia berjalan dengan *boyfriend* dia tadi, berpegangan tangan. Macam tu tak apalah. Biasa lah, kan? Tapi sekali tu..aku nampak budak lelaki tu peluk pinggang Laili. Huh meluat aku tengok! Tak malu langsung.

(*Azfa Hanani*: hlm: 199)

Berdasarkan kepada petikan di atas menunjukkan sifat Laili yang terlalu sosial sehingga memperlihatkan aksi kemesraan di kawasan sekolah dengan lelaki yang bukan muhrimnya. Pengarang menerapkan watak Laili yang tersalah memilih sahabat sehingga melakukan perkara sumbang seperti itu. Hal ini selari diperkatakan oleh Mohammed Hatta (2003: 39), perhubungan rapat antara seorang lelaki dan wanita kadangkala melibatkan perasaan yang sukar dikawal. Pada ketika itulah akal yang waras dan matang memainkan peranan yang penting bagi mengekang semangat yang mungkin sedang diasak nafsu syahwat. Kesan daripada itu, Laili telah terlibat dalam satu kemalangan yang menyebabkan teman lelakinya, Iskandar meninggal dunia. Ini dapat dikesan dalam contoh petikan berikut:

"Kepada Laili tidak juga. Aku memang mahu berdamai dengannya. Namun, kesempatan itu tidak ada sekarang. Motosikal yang ditunggangi oleh Iskandar dan gadis itu terlibat dalam suatu kemalangan jalan raya pada petang yang sama. Iskandar menemui ajal serta merta di tempat kejadian. Laili yang cedera parah masih ditempatkan di wad ICU sekarang."

(*Azfa Hanani*: hlm: 238)

Kesan daripada pengaruh sahabat dan teman lelakinya, Laili ditimpa musibah yang boleh menyebabkan dia hilang nyawanya. Dari sudut psikologi, watak Laili digambarkan sebagai seorang remaja yang ingin disayangi dan dihormati oleh rakan-rakannya yang lain. Oleh sebab itu, Laili menarik tumpuan rakan-rakannya dengan bergaul dengan Iskandar, seorang pelajar yang agak bersosial dan nakal. Caranya untuk menarik

perhatian rakan-rakannya melalui cara seperti itu sebenarnya mengundang bahaya kepadanya. Hal ini kerana, sebagai seorang remaja yang sedang meniti usia yang mereka inginkan diri mereka disayangi dan menyayangi. Menurut Mohammed Hatta (2003: 39) setiap insan yang normal mempunyai hasrat untuk berkasih sayang antara satu sama lain.

## KESIMPULAN

Berdasarkan hasil penelitian konflik dan resolusi ke atas ketiga-tiga novel yang dikaji ini, dapatlah disimpulkan bahawa cerita yang disampaikan banyak memaparkan pergolakan hidup yang telah dilalui masyarakat remaja kini. Konflik yang hadir dalam novel-novel tersebut ialah konflik dalam keluarga, konflik dalam diri dan konflik dengan rakan sebaya. Hal ini dapat disimpulkan bahawa konflik remaja dengan rakan sebaya dilihat sebagai konflik yang dominan yang dihadapi oleh watak remaja ini. Hal ini kerana, keinginan remaja pada peringkat umur tersebut ingin meneroka sesuatu yang baru, kehendak mereka kadangkala bertentangan antara satu dengan yang lain.

Novel yang menyentuh tentang konflik rakan sebaya dapat dikesan dalam novel *6:20, Merenang Gelora* dan *Azfa Hanani*. Walaupun novel-novel tersebut mendapat pelbagai reaksi antaranya dikatakan isi kandungannya tidak bermoral tetapi jika diteliti daripada sudut yang lain terdapat juga aspek-aspek yang positif menggambarkan cabaran dan dugaan yang dihadapi oleh remaja dalam meneruskan kelangsungan hidup. Hal ini kerana, walaupun isi kandungannya yang dikatakan tidak bermoral, tetapi semangat dan keyakinan watak-watak dalam menghadapi konflik berjaya mereka tanggani dengan rasional. Novel *Azfa Hanani* karya Halis Azhan memaparkan kegigihan seorang remaja menimba ilmu dalam keadaan serba kekurangan.

Novel *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah pula memaparkan kehidupan seorang remaja sebagai pengawas sekolah yang berhadapan dengan kegiatan pelajar yang bermasalah. Novel terakhir ialah *6:20* karya Siti Jasmina Ibrahim yang mengisarkan tentang kegiatan *black metal*. Melihat kepada kesungguhan watak utamanya iaitu Sukma, untuk membawa rakan-rakannya kembali ke pangkal jalan merupakan satu tindakan yang wajar. Hal ini kerana, setiap manusia yang

bermasalah patut diberikan peluang kedua untuk mengubah kehidupan. Walaupun terdapat konflik dalam hubungan dengan rakan sebaya namun diakhiri cerita terdapat transformasi sosial iaitu perubahan tingkahlaku daripada negatif kepada positif. Mereka akhirnya insaf atas perbuatan yang dilakukan. Konflik merupakan sesuatu yang normal, tetapi remaja mesti bijak dalam membuat penyelesaian tersebut.

## RUJUKAN

- Arief Salleh Rosman & Wardah Mokhtar. 2005. *Remaja Sukses: 13 formula hidup sukses untuk remaja*. Pahang: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Asmak Hj. Ali. 2001. Salah laku sosial remaja masa kini: Cabaran dan penyelesaiannya. *Institusi keluarga menghadapi cabaran alaf baru*. Pahang: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya et al. 2005. *Psikologi sosial alam remaja*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Jumali Selamat. 2012. *Sejarah perkembangan novel remaja di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Halis Azhan Mohd Hanafiah. 1995. *Azfa Hanani*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Juma'at Mohd Noor. 1996. Masyarakat Melayu: Gejala dadah dan penyelesaiannya. Dlm. *Masyarakat Melayu dan gejala sosial: Proses penyelesaian ke arah pembinaan masyarakat Melayu cemerlang abad ke-21*, 3-32. Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda.
- Kamarulzaman Kamaruddin. 2009. *Psikologi perkembangan: Panduan untuk guru*. Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ma'ruf Redzuan & Haslinda Abdullah. 2001. *Psikologi*. Serdang: Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putera Malaysia.
- Mana Sikana. 2004. *Proses penulisan kreatif*. Singapura: EDN Media.
- Maslow, A.H. 1970. *Motivation and personality*. 2<sup>nd</sup> Edition. New York: Harper & Row Publisher.
- Mohamed Hatta Shaharom. 2003. *Psikologi dan kaunseling remaja: Panduan remaja*

- membimbing diri sendiri.* Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Moleong, L.J. 2004. *Metodologi penelitian kualitatif. Edisi revisi.* Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Nik Hassan Basri Nik Abd Kadir. 2005. *Citra Komsas.* Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nor Raudah Siren. 2006. *Falsafah diri remaja dalam novel remaja Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Putih. 1989. *Sastera remaja ditinjau daripada beberapa perspektif.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman Shaari. 1985. *Memahami istilah sastera.* Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Bhd.
- Ruslan Ngah. 2002. *Merenang gelora.* Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Sidi Gazalba. 1983. *Islam dan perubahan sosiobudaya: Kajian Islam tentang perubahan masyarakat.* Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Siti Jasmina Ibrahim. 2001. 6:20. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Kemelut Teks Sastera Komsas.  
<http://munsyibm.blogspot.com/2011/04/kemelut-teks-sastera-komsas.html> (diakses pada 20/02/2015).
- Dua teks Komsas dirombak.  
<http://berita.cari.com.my/news.php?id=20387> (diakses pada 13/12/2013)